

# Perancis sedia terima Chakrapong

GEORGETOWN, Rabu — Perancis adalah antara beberapa negara yang menyatakan kesediaan untuk menerima bekas Timbalan Perdana Menteri Kemboja, Putera Norodom Chakrapong, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sudah menghubungi negara terbabit untuk perbincangan lanjut.

Bagaimanapun, katanya, Chakrapong hanya akan diminta meninggalkan Malaysia apabila negara berkenaan secara rasmi menyatakan kesanggupan mereka menerimanya.

"Kabinet sudah memutuskan bahawa Chakrapong akan diminta keluar bila-bila masa sahaja apabila ada negara lain yang setuju menerimanya.

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada kese-

diaan negara terbabit untuk menerimanya," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Mengenai pembubaran Askar Timbalan Setia Johor, Perdana Menteri berkata setakat ini kerajaan belum berhasrat berbuat demikian.

"Tetapi kemungkinan kita akan membawanya semula ke Parlimen untuk membuat beberapa penyesuaian dan pindaan.

"Ini tidak bermakna kita tidak akan membubarkannya. Cadangan mengenai ini masih ada," katanya.

Mengulas mengenai usaha DAP menarik lebih ramai orang Melayu menyertai parti itu, terutama di Pulau Pinang, beliau berkata walaupun DAP sanggup menerima orang Melayu, tidak ramai yang akan menyertainya kerana ia terlalu bersifat per-

kauman.

"Pandangannya yang bercorak perkauman mengurangkan minat orang Melayu kerana parti itu lebih suka memainkan isu seumpama itu, seperti mencungkil isu sistem pendidikan Cina," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, orang Melayu yang sanggup diperalatkan oleh Lim Kit Siang, boleh meneruskan hasrat mereka itu.

Ditanya sama ada keahlian DAP Melayu di Pulau Pinang yang meningkat secara mendadak sejak kebelakangan ini berpunca daripada rasa tidak puas hati, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu, tetapi berharap orang Melayu yang minat dengan DAP boleh meminta bantuan parti itu untuk menyelesaikan sebarang masalah," katanya.